

# Caj perkhidmatan penumpang diteliti

Kadar dikaji semula selaras keperluan semua pihak berkepentingan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Suhaila Shahrul Annuar  
bhnews@bh.com.my

**Sepang:** Kerajaan akan mengkaji semula struktur caj perkhidmatan penumpang (PSC) yang disifatkan tidak adil untuk penumpang syarikat penerbangan tambang rendah dan penerbangan perkhidmatan penuh.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan meneliti semula kadar yang dikenakan selaras dengan keperluan semua pihak berkepentingan.

"Ketika ini, kita mengenakan satu peringkat cukai kepada semua penumpang dan ia sebenarnya tidak adil.

"Kita kenakan caj sama untuk semua orang sedangkan semua orang adalah berbeza," katanya selepas melawat Ibu Pejabat AirAsia RedQ di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Pengerusi Eksekutif Kumpulan AirAsia Berhad, Datuk Kamarudin Meranun; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Air Asia, Tan Sri Tony Fernandes dan Pengerusi Air Asia X, Tan Sri Rafidah Aziz.

Perdana Menteri berkata, kadar cukai yang dikenakan perlu

mengambil kira faktor kos dan kadar tambang memandangkan setiap penumpang membayar jumlah yang berbeza.

"Jika mereka menggunakan pesawat tambang rendah, adalah tidak adil jika dikenakan cukai lapangan terbang sama seperti mereka yang terbang dengan pesawat lebih mahal," katanya.

PSC adalah caj yang dikenakan pengendali lapangan terbang kepada penumpang yang berlepas menggunakan kemudahan lapangan terbang.

Baru-baru ini, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan AirAsia Bhd dan AirAsia X Bhd membatalkan tuntutan berkaitan tunggakan bayaran PSC kepada anak syarikat MAHB, Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd (MASSB).

Bagaimanapun, AirAsia mula mengutip PSC dikenakan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bermula minggu lalu sebagai bantahan keputusan mahkamah baru-baru ini.

Ini bermakna syarikat penerbangan tambang rendah itu mengutip kadar tambahan RM23 bagi PSC dan perbezaan jumlah itu dipaparkan secara jelas dalam jumlah tambang sebagai 'PSC (Dalam Bantahan).'

MAHB mengenakan kadar PSC baharu RM73 kepada penumpang yang menggunakan terminal klia2 ke destinasi di luar ASEAN sejak Julai tahun lalu iaitu kadar sama dikenakan terminal utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Selain PSC, penumpang penerbangan juga akan dikenakan levi

pelepasan mulai 1 September ini. Setiap orang yang berlepas dari Malaysia ke negara ASEAN akan dikenakan bayaran RM8 bagi penerbangan dalam kelas ekonomi dan RM50 bagi kelas-kelas lain. Bagi penerbangan selain negara ASEAN, kelas ekonomi akan dikenakan bayaran RM20, manakala kelas lain sebanyak RM150.

Sementara itu, mengenai tawaran pelbagai pihak untuk mengambil alih Malaysia Airlines (MAS), Dr Mahathir berkata, setakat ini belum ada cadangan yang meyakinkan.

"Tidak banyak boleh diperkatakan mengenai MAS buat masa ini. Kami masih menilai cadangan mengenai langkah memulihkan MAS dan (setakat ini cadangan berkenaan) belum meyakinkan kerajaan," katanya.

Baru-baru ini, dilaporkan Pengasas Bersama Kumpulan AirAsia Bhd, Datuk Pahamin Ab Rajab adalah antara pihak yang dilaporkan menyatakan hasrat untuk 'menyelamatkan' MAS.

Usaha Pahamin bersama lima usahawan, yang nama mereka tidak didedahkan, dikatakan bukan atas nilai komersial semata-mata tetapi lebih kepada semangat cintakan negara yang mana beliau berjanji tidak akan ada pembuangan pekerja sekiranya pengambilalihan itu dimuktamadkan.

Difahamkan, antara kumpulan yang menghantar cadangan pengambilalihan MAS ialah Najah Air Sdn Bhd yang diketuai Pengasas Bersama AirAsia Group Bhd, Datuk Pahamin Ab Rajab dan The Weststar Group milik Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim.